

Empangan berusia lebih 100 tahun turut dibaiki

PUTRAJAYA 15 Okt.

- Majlis Sumber Air Negara yang bermesyuarat hari ini akan menghantar memo kepada Jemaah Menteri supaya empangan-empangan lama termasuk yang sudah berusia lebih 100 tahun di seluruh negara turut dapat dibaiki, diselenggara dan dibina semula untuk mengelakkan kejadian tidak diingini.

Dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi itu, majlis telah



**WAN JUNAIDI
TUANKU JAAFAR**

dimaklumkan bahawa terdapat 41 buah empangan lama di seluruh negara dengan salah satunya Empangan Bukit Merah di Perak, dibina seawal 1905.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, keselamatan empangan-empangan tersebut perlu dikaji bagi

memastikan semua empangan itu tidak pecah sekali gus dapat mengelakkan berlakunya malapetaka kepada negara.

"Kita mencadangkan keselama-

tan empangan-empangan ini dikaji. Jika empangan berkenaan sudah tidak selamat atau kos penyelenggaraannya terlalu tinggi, maka pembinaan empangan baharu perlu dilakukan.

"Selain itu, kita juga perlu meneliti sama ada struktur empangan lama ini masih sesuai dengan keperluan semasa terutamanya dengan perubahan iklim yang berlaku," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Wan Junaidi berkata, Majlis Sumber Air Negara pada masa sama turut menghantar memo kepada Kabinet memohon peruntukan kewangan supaya penyelenggaraan sungai secara komprehensif dapat dilakukan.